

Semua jenis roti bebas dari kawalan harga

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan hari ini mengumumkan semua jenis roti dibebaskan dari kawalan harga, mulai Isnin ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon berkata, pembebasan itu dipersetujui oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berasaskan beberapa faktor.

Katanya, langkah ini diambil memandangkan harga bahan-bahan utama pengeluaran roti seperti tepung gandum, gula dan ragi, dikawal Kerajaan.

Perusahaan itu, ialah industri persaingan hebat dan pembuat roti terdapat di seluruh Malaysia. Kos pengeluaran adalah berbeza bergantung kepada jumlah pengeluaran dan kecekapan mereka. Ini akan menjamin harga roti ditetapkan di paras yang berpatutan.

Bellau menjelaskan, terdapat lebih 20 jenis roti dengan harga, saiz dan kandungan dan timbangan-nya berbeza-beza.

Pada masa ini, harga yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah bagi roti 'standard loaf' 350 gram, roti jagung 310 gram, bun manis, 'butter roll' dan bun berinti kelapa sahaja.

Menurutnya, harga roti dengan timbangan yang lain tidak dikawal dan dengan itu pembuat-pembuat roti boleh mengelakkan diri dari kawalan harga jika mereka mengeluarkan roti-roti dengan timbangan-nya tidak mengikut timbangan yang dinyatakan.

Datuk Lew menegaskan, walaupun harga tidak dikawal lagi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk mengawal mutu dan timbangan roti.

Kementerian berharap pembuat-pembuat roti akan bekerjasama untuk menjamin pengguna-pengguna mendapat roti yang bermutu dengan timbangan yang sah dan harga yang berpatutan.

Roti telah diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Jun 1976.